MAMPU
JABATAN PERDANA MENTERI

SME HIP 1

Modul:

INTEGRASI PORTAL MALAYSIABIZ DENGAN SISTEM eLESEN

MAJLIS PERBANDARAN SUBANG JAYA (MPSJ)

# MANUAL PENGGUNA

# Kandungan

Kandungan....... 2

1.0 Pengenalan....... 3

1.1 Objektif....... 3

1.2 Portal MalaysiaBiz....... 3

1.3 Senarai Lesen Perniagaan Majlis Perbandaran Subang Jaya (MPSJ)....... 3

2.0 Carian Lesen Perniagaan....... 4

2.1 Membuat Carian....... 5

Cara 1 - Carian Melalui Agensi dan Nama Lesen....... 5

Cara 2 - Carian Melalui Aktiviti dan Lokasi Perniagaan....... 6

2.2 Pilih Lesen Perniagaan....... 8

3.0 Permohonan Lesen Perniagaan di MyTray....... 11

4.0 Semak Status Permohonan di MyTracker....... 13

5.0 Permohonan Pembaharuan Lesen di MyLicense....... 14

5.1 Cetak Lesen....... 15

# 1.0 Pengenalan

## 1.1 Objektif

Objektif utama penyediaan Manual Pengguna ini adalah untuk dijadikan sebagai rujukan dan garis panduan bagi pengguna untuk menggunakan laman sesawang **MalaysiaBiz** bagi aktiviti berkaitan pendaftaran dan pelesenan perniagaan.

Manual Pengguna ini menerangkan dengan terperinci bagaimana portal ini berfungsi dan memberi gambaran kepada pengguna bagaimana untuk menggunakan portal ini. Manual Pengguna ini merupakan bahan rujukan atau panduan untuk menggunakan Portal MalaysiaBiz.

## 1.2 Portal MalaysiaBiz

Portal MalaysiaBiz mengandungi urusan pendaftaran dan pelesenan perniagaan. Ia merupakan laman sesawang untuk memudahkan proses memulakan perniagaan.

## 1.3 Senarai Lesen Perniagaan Majlis Perbandaran Subang Jaya (MPSJ)

| Nama Sistem (Agensi) | Nama Lesen |
|---|---|
| eLesen (MPSJ) | 1. Lesen Perniagaan dan Iklan<br>2. Permit Penjaja<br>3. Lesen dan Iklan Luaran |

## 2.0 Carian Lesen Perniagaan

1. Carian bagi lesen perniagaan boleh dilakukan di laman utama MalaysiaBiz dengan 3 cara berikut, iaitu:
   - ✧ Cara 1 - Klik menu **Perkhidmatan > Pelesenan Perniagaan.**
   - ✧ Cara 2 - Klik butang **Pelesenan Perniagaan.**
   - ✧ Cara 3 - Klik ikon **Mohon Lesen Perniagaan.**




2. Laman carian pelesenan perniagaan dipaparkan.



3. Terdapat 2 cara carian pelesenan perniagaan bagi setiap carian pelesenan perniagaan diatas, iaitu:

- Cara 1 - Carian melalui **agensi dan nama lesen.**
- Cara 2 - Carian melalui **aktiviti dan lokasi perniagaan.**

## 2.1 Membuat Carian

### Cara 1 - Carian Melalui Agensi dan Nama Lesen




1. Klik tab **Carian Agensi dan Nama Lesen.**
2. Klik *dropdown* **Agensi** dan pilih **Majlis Perbandaran Subang Jaya (MPSJ).**

**Nota**: Agensi ini melibatkan pihak berkuasa melesen di peringkat persekutuan seperti kementerian dan jabatan persekutuan, dan juga di peringkat negeri seperti agensi negeri, Pejabat Daerah dan Tanah (PDT) dan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT).

3. Klik *dropdown* **Nama Lesen** dan pilih lesen yang ingin didaftarkan.

**Nota**: Lesen merangkumi lesen, permit, kelulusan, kebenaran dan sebagainya.

4. Klik butang **Cari.**
5. Laman hasil carian dipaparkan.




6. Klik butang ***Add to MySelection*** untuk pilih lesen yang ingin didaftarkan.
7. Klik butang ***Print License Info*** untuk mencetak maklumat lesen perniagaan.

## Cara 2 - Carian Melalui Aktiviti dan Lokasi Perniagaan




1. Klik tab **Carian Aktiviti dan Lokasi Perniagaan.**
2. Masukkan **kata kunci** bagi aktiviti perniagaan yang diingini (Contoh: Iklan).
3. Klik *dropdown* **Negeri** dan pilih **Selangor.**
4. Klik *dropdown* **Bandar/Daerah** dan pilih **Subang Jaya/Petaling.**
5. Klik butang **Cari.**

6. Laman senarai maklumat lesen perniagaan ***Federal*** dan ***State*** dipaparkan.




7. Untuk mencetak senarai lesen perniagaan, klik butang ***Print Licensing List.***

8. Untuk melihat maklumat maklumat pelesenan, klik ikon  dan laman maklumat pelesenan dipaparkan.




**Nota**: Maklumat pelesenan terdiri daripada nama lesen, aktiviti/jenis lesen, tujuan/penerangan, agensi, alamat dan sebagainya.

9. Untuk memaparkan portal rasmi bagi agensi yang terlibat, klik *link* agensi.

10. Untuk pilih lesen yang ingin didaftarkan, klik butang ***Add to MySelection.***

## 2.2 Pilih Lesen Perniagaan




1. Klik butang ***Add to MySelection*** untuk memilih lesen perniagaan yang ingin didaftarkan. Perniagaan yang ingin didaftarkan berada di dalam **MySelection(1).**
2. Klik butang **MySelection(1),** laman MySelection dipaparkan.




3. Klik butang ***Go To MyTray*** untuk meneruskan permohonan, sistem akan terus ke laman **MyTray** pengguna.



4. Pengguna perlu memilih agensi terlebih dahulu untuk meneruskan permohonan lesen perniagaan.
5. Klik *dropdown* ***Show Recent*** dan pilih **eLesen-MPSJ** daripada senarai.

**Nota:** Permohonan berstatus *Recent* dan *Incomplete* akan dipaparkan setelah pemohon pilih agensi daripada *dropdown* ***Show Recent***. Jika tiada permohonan berstatus draf iaitu *Incomplete,* sistem akan memaparkan permohonan berstatus *Recent* sahaja bagi agensi yang dipilih.



6. Klik butang ***Action*** **>** ***Apply*** untuk menambah *Login ID* (LID).
7. *Popup* pemberitahuan **'*Sharing your agency profile to register*'** dipaparkan dengan *default* ***Choose Agency: eLesen-MPSJ.***




8. Klik butang ***Agree.***
9. Laman ***Login / Register / Forgot Password*** dipaparkan.




10. Pengguna yang belum berdaftar di sistem eLesen-MPSJ boleh mendaftar dengan klik butang ***Register***. Jika terlupa kata laluan, klik butang ***Forgot Password.***
11. Bagi pengguna berdaftar, masukkan Emel dan Kata Laluan.
12. Klik butang **LOG MASUK.**
13. ***Login* ID (LID)** berjaya ditambah di sistem MalaysiaBiz dan pengguna boleh meneruskan urusan permohonan lesen perniagaan.

**Nota:**

- Pengguna perlu mempunyai ***Login ID* (LID*)*** yang telah ditambah dalam **MalaysiaBiz** bagi meneruskan urusan permohonan baru.
- ***Login ID (LID)*** bertujuan untuk menentukan samada pengguna berdaftar di **MalaysiaBiz** telah berdaftar di sistem agensi ataupun tidak.
- Pengguna wajib menambah ***Login ID* (LID*)*** untuk membuat urusan permohonan menggunakan **MalaysiaBiz.**

## 3.0 Permohonan Lesen Perniagaan di MyTray

Setelah menambah *Login* ID (LID), pengguna boleh membuat permohonan lesen perniagaan di laman **MyTray.**




1. Klik butang ***Action > Apply.***
2. Skrin *Select* ID dipaparkan, klik ikon  .




3. Notifikasi '***Do you want to apply this license?***' dipaparkan, klik ***Yes.***
4. Laman borang permohonan lesen baru dipaparkan, pengguna masukkan maklumat yang dikehendaki.
5. Klik pada butang **CIPTA PERMOHONAN BARU** untuk melengkapkan maklumat yang seterusnya.
6. Pengguna melengkapkan borang permohonan sehingga notifikasi berikut dipaparkan.

7. Pengguna boleh memilih untuk klik pada butang **Mohon Pembaharuan Lesen** untuk membuat permohonan baharu dan borang akan disimpan di MyTray.

8. Pengguna boleh juga memilih untuk klik pada butang **Kembali ke MalaysiaBiz** untuk terus menghantar borang. Borang yang telah dihantar akan berada di **MyTracker** untuk semakan status permohonan.

# 4.0 Semak Status Permohonan di MyTracker

Pengguna boleh menyemak status permohonan lesen perniagaan di laman **MyTracker**.




1. Klik butang **Nombor Rujukan** pada permohonan.
2. Laman maklumat pelesenan dipaparkan.



## 5.0 Permohonan Pembaharuan Lesen di MyLicense

Pengguna boleh membuat permohonan pembaharuan bagi lesen perniagaan yang akan atau telah tamat tempoh di laman **MyLicense**.




1. Klik butang ***Action > Renewal.***
2. Paparan notifikasi ***'Sorry this license is only renewable at the counter (Headquarter Majlis Perbandaran Subang Jaya USJ 5)'*** dipaparkan.
3. Klik butang ***Close.***

## 5.1 Cetak Lesen

Pengguna boleh mencetak lesen perniagaan di laman **MyLicense.**




1. Klik butang ***Action > Print License.***
2. Lesen pengguna dipaparkan, klik butang **Cetak Lesen.**



MAJLIS PERBANDARAN SUBANG JAYA
PERSIARAN PERPADUAN USJ 5, 47610 UEP SUBANG JAYA, SELANGOR DARUL EHSAN.

LESEN SEMENTARA PERNIAGAAN

20/07/2020

20200100033

| | | |
|---|---|---|
| NO. AKAUN | : | 20200100033 |
| NO. FAIL RUJUKAN | : | MPSJ/LES/600/03/00033-20 |
| NAMA SYARIKAT | : | BAHA MY BIZ (BAHARUDIN BIN KAMISAN) |
| NO. DAFTAR SYARIKAT | : | 789789G |
| ALAMAT PERNIAGAAN | : | 25, JALAN PJS 11/24, PJS 11, 47500 SUBANG JAYA SELANGOR |
| TARIKH TAMAT | : | 20 JULAI 2020 |

BUTIRAN LESEN

| KOD HASIL | JENIS LESEN | BAYARAN |
|---|---|---|
| 71411 | IKLAN MELINTANG/TAK BERSINAR | RM 90.00 |